LAMPIRAN E

SURAT JAMINAN TANGGUNG RUGI DARI SUBKONTRAKTOR KEPADA MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Surat Tanggung Rugi ini diberi pada ……. haribulan …… 20 ..... oleh Kami, ... yang beralamat (atau pejabat berdaftar yang terletak di) ……..…….. ……..…..……..... kepada Majlis Amanah Rakyat (kemudian dari ini disebut "MARA").

(2) MARA telah melalui Kontrak No. ..... yang diikat pada ..... haribulan ..... 20 .....(kemudian dari ini disebut "Kontrak Utama") di antara MARA bagi satu pihak dan .... kemudian dari ini disebut "Kontraktor") sebagai pihak yang satu lagi, mengambil kerja Kontraktor bagi melaksana dan menyiapkan..... .... (kemudian dari ini disebut "Kerja Kontrak Utama").

(3) Kami telah mengemukakan Sebut harga bagi .... (kemudian dari ini disebut "Kerja Subkontrak"), yang berkenaan dengan Wang peruntukan Sementara terdapat dalam dan menjadi sebahagian dari Kontrak Utama.

(4) Menurut peruntukan berkaitan dalam Kontrak Utama, kami telah dinamakan untuk menjalankan dan menyiapkan Kerja Subkontrak ini di atas terma dan Syarat-syarat Subkontrak (kemudian dari ini disebut "Kerja Subkontrak") yang akan diikat di antara Kontraktor dan Kami.

(5) Sebagai balasan ke atas pengakuanjanji MARA untuk membayar terus kepada Kami amaun yang disahkan sebagai kena dibayar kepada Kami dalam Perakuan-perakuan Interim atau Perakuan Muktamad menurut dan tertakluk kepada peruntukan yang berkenaan dalam Kontrak Utama dan Subkontrak ini, Kami dengan ini membuat pengakuanjanji yang tidak boleh terbatal untuk melindungi dan menanggung rugi MARA terhadap dan dari:

i. sebarang tanggungan MARA kepada Kontraktor berpunca dari apa jua disebabkan oleh MARA membuat bayaran terus kepada kami; dan

ii. sebarang tanggungan MARA kepada Kontraktor berpunca dari apa jua disebabkan oleh sebarang tindakan, kecuaian atau ketinggalan, atau sebarang pecah kontrak, tidak mematuhi atau tidak melaksanakan peruntukan Syarat-syarat Subkontrak oleh Kami, pengkhidmat atau ejen Kami; dan

iii. sebarang kerugian dan/atau perbelanjaan yang ditanggung oleh MARA berpunca dari apa jua disebabkan oleh sebarang tindakan, kecuaian atau ketinggalan, atau sebarang pecah kontrak, tidak mematuhi atau tidak melaksanakan peruntukan Syarat-syarat Subkontrak oleh Kami, pengkhidmat atau ejen Kami.

Ditandatangani oleh	Di hadapan
.....	.....
(Tandatangan Subkontrak)	(Tandatangan Saksi)
Nama Penuh	Nama Penuh .....
No. Kad Pengenalan	No. Kad Pengenalan .....
Atas Sifat	Pekerjaan .....
Yang diberi kuasa menandatangani untuk dan bagi pihak	Alamat ....

Meteri atau Cap Subkontraktor